

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN BOLING PADANG
(LELAKI & WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Lembaga Bowling Dunia (WBB)** dan **Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM atau Bowls Malaysia)**.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan faham mengenai teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-Undang Lembaga Bowling Dunia (WBB)**.
- 1.4 Semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bowling Sukan Malaysia IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

05 Sept hingga 11 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Gelanggang Boling Padang,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Kota Kinabalu, Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Pasukan Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan Wanita terdiri daripada:-

	<u>Lelaki</u>	<u>Wanita</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	6 orang	6 orang
JUMLAH	9 orang	7 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan atau Dokumen Pendaftaran JPN 1/9 dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Semua peserta yang menggunakan dokumen Pendaftaran JPN 1/11, mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM20.00 seorang (mengikut Peraturan Am perkara 6.2) sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang Pemain Kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.
- 5.9 Pengganti adalah terdiri daripada 6 pemain yang disenaraikan dan hendaklah dinamakan pada masa pendaftaran dibuat. Pengganti tidak dibenarkan bermain sebagai "skip".

6.0 MESYUARAT/TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama-sama dengan Kad Pengenalan, Dokumen Pendaftaran JPN 1/9, atau Pasport Antarabangsa yang asal, atau dokumen Pendaftaran JPN 1/11, yang disahkan oleh

Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya, untuk pengesahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

7.0 JADUAL AM PERTANDINGAN

- 7.1 Semua acara pertandingan dijalankan serentak (2) sesi tiap-tiap hari dengan jadual yang berikut:-

9.00 Pagi	-	12.00 Pagi
3.00 Petang	-	6.00 Petang
* 8.00 Malam	-	11.00 Malam

- Jika cuaca tidak mengizinkan.
- 7.2 Setiap perlawanan akan berlangsung selama 3 jam atau hingga waktu perolehan 18 ends (dalam permainan pairs dan triple) atau 21 ends.
- 7.3 Apabila hon dibunyikan bagi tempoh 3 jam itu, end yang sedang berjalan akan dihabiskan jika jack telah digolek dengan sah.
- 7.4 Pengurus pasukan hendaklah mendapatkan kad pertandingan (Scorecard) 20 minit sebelum perlawanan.
- 7.5 Dua (2) Trial End akan dibenarkan lima belas (15) minit sebelum perlawanan. Semua trial end hendaklah dihentikan apabila hon dibunyikan dua (2) minit sebelum pertandingan.
- 7.6 Semua perlawanan akan dijalankan apabila hon dibunyikan tepat pada jadualnya.

- 7.7 Mana-mana pasukan yang masih belum bersedia bermain setelah hon permulaan dibunyikan, pihak lawan boleh menuntut end pertama dengan bilangan 1 shot dan tambahan 1 shot setiap 5 minit seterusnya (maksimum 3 shot). Contoh : Pertandingan bermula 0800-1 shot, 0805-1 shot, 0810-1 shot. Selepas 0815 pasukan lawan diberi kemenangan percuma dengan 2 mata dan "average shot".
- 7.8 Jika mana-mana pemain/pasukan memberi kemenangan percuma dua kali dalam sepanjang pertandingan, pemain/pasukan tersebut akan dianggap menarik diri dan semua keputusan perlawanannya akan dimansuhkan. Hal ini akan dibawa kepada pihak PLBM untuk tindakan seterusnya.

8.0 ACARA PERTANDINGAN

- 8.1 Acara yang akan dipertandingkan di Sukan Malaysia IX, 2002 adalah seperti berikut:-
- 8.1.1 Bergu Lelaki
 - 8.1.2 Bergu Wanita
 - 8.1.3 Bertiga Lelaki
 - 8.1.4 Bertiga Wanita

9.0 PAKAIAN PESERTA

- 9.1 Setiap peserta dikehendaki memakai baju berwarna Putih, Krim atau Beige yang berlengan pendek atau panjang dan berkolar. Baju 'round neck' TIDAK dibenarkan sama sekali.
- 9.2 Di sebelah belakang baju hanya boleh ditulis nama pasukan yang diwakilinya sahaja. Bahagian hadapan sebelah kanan adalah bendera pasukan dan di sebelah kiri ditulis nama peserta.

- 9.3 Setiap peserta dikehendaki memakai seluar panjang berwarna Putih/Krim/Beige bagi lelaki dan wanita. Seluar jeans dan track bottom tidak dibenarkan dipakai pada waktu bermain.
- 9.4 Hanya kasut lawn bowls berwarna Putih/Hitam/Coklat yang tidak bertumit dan bertapak licin sahaja yang boleh digunakan dan dipakai.
- 9.5 Tali pinggang yang berwarna Hitam/Putih/Coklat sahaja yang dibenarkan semasa pertandingan.
- 9.6 Pihak penganjur berhak untuk tidak membenarkan mana-mana pemain atau pasukan yang tidak mematuhi peraturan di atas menyertai pertandingan.

10.0 PERALATAN

- 10.1 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki mendaftarkan 'Bowls' peserta-peserta semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan. Pengurus Pasukan juga diminta mengambil sticker daripada Urusetia pertandingan untuk menentukan warna pasukan masing-masing.

11.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 11.1 Sebanyak dua (2) acara untuk peserta lelaki dan dua (2) acara untuk peserta wanita akan dipertandingkan. Acara-acara tersebut ialah:-
 - 11.1.1 Bergu (Pairs) - Lelaki/Wanita
21 ends (3 jam)
 - 11.1.2 Bertiga (Triple) - Lelaki/Wanita
18 ends (3 jam)
 - 11.1.3 Bahagian Lelaki
Dua pasukan yang teratas dalam kumpulan dan dua lagi pasukan yang mengutip mata tertinggi akan layak ke peringkat suku akhir.

- 11.1.4 Bahagian Wanita
Dua pasukan yang teratas dalam kumpulan akan memasuki peringkat separuh akhir.
- 11.1.5 Semua perlawanan suku akhir dan separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati.
- 11.1.6 Pihak pengelola berhak menukar bilangan mata dan 'ends' yang perlu dimainkan apabila keadaan cuaca memaksa pindaan ini dibuat.

11.2 Acara-acara yang dipertandingkan ialah :-

- 11.2.1 Regu berdua (pairs)
- 11.2.2 Regu bertiga (triple)

11.3 Perlawanan pusingan pertama adalah secara liga dalam kumpulan. Pemberian mata adalah seperti berikut:-

MENANG	SERI	KALAH
2 Mata	1 Mata	0 Mata

11.4 Semasa perlawanan liga dalam kumpulan, keputusan untuk pemenang dalam kumpulan akan ditentukan mengikut keutamaan berikut:-

- 11.4.1 Pasukan yang mempunyai mata yang paling banyak sekali adalah dianggap sebagai Johan kumpulan.
- 11.4.2 Jika pungutan mata adalah sama, maka pemain/pasukan yang memperolehi perbezaan 'nett shott' yang terbanyak akan menjadi pemenang.

- 11.4.3 Jika mata dan perbezaan 'nett shot' juga sama, maka pemain/pasukan yang mempunyai jumlah mata perlawanan (shots) yang tertinggi diiktiraf pemenang.
- 11.4.4 Jika kedudukan juga masih sama, maka pemain/pasukan yang memenangi antara keduanya akan dikira pemenang.

12.0 WAKTU LATIHAN

- 12.1 Masa latihan akan ditentukan oleh pihak Penganjur. Semua pasukan diminta mematuhi waktu yang ditetapkan oleh Penganjur. Masa latihan akan tamat pada jam 4.00 petang sehari sebelum pertandingan dimulakan.
- 12.2 Mana-mana pasukan yang ingin menggunakan padang selain daripada yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur hendaklah mendapat kebenaran dari pihak penganjur terlebih dahulu.

13.0 PERTANDINGAN YANG TERTUNDA

- 13.1 Sebarang perlawanan yang gagal dihabiskan kerana sebab-sebab yang tertentu, maka pihak yang berkuasa akan menentukan masa lain bagi perlawanan ini diteruskan, sekiranya perlawanan ini membawa makna untuk pungutan mata.
- 13.2 Jika cuaca buruk tidak membenarkan perlawanan diteruskan sama sekali maka pihak berkuasa boleh memutuskan kemenangan jika permainan telah berlangsung selama satu setengah jam atau telah berlangsung 12 ends (yang mana terdahulu)

14.0 WAKTU SEMBAHYANG/SOLAT

- 14.1 Pertandingan akan dihentikan buat seketika apabila suara azan dikumandangkan dan permainan akan disambung semula setelah selesai suara azan.

15.0 PENGADIL/UMPIRES

- 15.1 Setiap negeri dikehendaki menghantar seorang pengadil yang bertauliah.
- 15.2 Pengurus Pertandingan, Ketua Pengadil dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Lawn Bowls Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Malaysia IX, 2002.
- 15.3 Semua keputusan Pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

16.0 BANTAHAN

- 16.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Jurulatih boleh mengambil alih tugas ini jika Pengurus Pasukan tidak bersama pasukan ketika itu. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang cengkeram sebanyak RM200.00. Wang cengkeram akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar. Jika bantahan diterima, wang cengkeram akan dikembalikan.
- 16.2 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 16.3 Jawatankuasa Bantahan akan dipengerusikan oleh Pengarah Pertandingan, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola / Wakil dan tiga orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan tersebut.
- 16.4 Jawatankuasa Bantahan menentukan samada

peserta tersebut layak memenangi pingat atau tidak apabila keputusan bantahan telah dibuat.

17.0 TATATERTIB

- 17.1 Semua peserta dikehendaki menjaga tatatertib dan tatasusila permainan Lawn Bowls.
- 17.2 Sebarang bantahan hendaklah mengikut saluran dan dilarang mengambil tindakan secara bersendirian dan melulu.
- 17.3 Sebarang tingkah laku dan perbuatan yang melanggar tatasusila permainan ini hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Umpires yang bertugas secara bertulis.
- 17.4 Jawatankuasa Tatatertib dipengerusikan oleh Pengerusi Tatatertib Persekutuan Lawn Bowls di Malaysia. Laporan tatatertib akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Lawn Bowls Malaysia dan tindakan tatatertib adalah di bawah budi bicara Jawatankuasa ini.

18.0 TATATERTIB PERTANDINGAN

- 18.1 Apabila seseorang pemain menguasai Mat, pemain lawan lain hendaklah sekurang-kurangnya berada 2 meter di belakang garis Mat sehingga bowl itu berhenti.
- 18.2 Pemain boleh mengikut bowl pertama dan kedua setakat 5 meter sahaja dan harus berada di belakang head ketika bowl itu berhenti.
- 18.3 Pemain boleh mengikut bowl ketiga dan atau bowl terakhir ke tempat head dan harus berada di belakang head ketika bowl tersebut berhenti.
- 18.4 Pemain tidak dibenarkan melengah-lengahkan masa semasa bermain bowl dan semasa menukar end.

18.5 **Penalti** :-

- 18.5.1 Jika pelanggaran peraturan 18.0 telah dikenal pastikan selepas sesuatu rayuan oleh pihak Pengelola, Pengurus Pasukan atau pihak lawan, Pengadil hendaklah memberikan amaran kepada pemain tersebut.
- 18.5.2 Sekiranya seseorang pemain telah memberi amaran dan terus melanggar peraturan yang sama, end yang berkenaan akan diistiharkan tamat oleh Ketua Pengadil dan pemain lawan akan diberi kemenangan end tersebut dengan bilangan shot sama banyak bowls lawan yang telah dimainkan di kawasan Head.
- 18.5.3 Jika pemain yang sama terus melakukan kesalahan untuk kali ketiga dalam dalam sesuatu permainan, permainan itu akan dihentikan oleh Ketua Pengadil dan diberi kemenangan permainan kepada pihak lawan dengan bilangan shot 7 berbalas 0.
- 18.5.4 Jika pemain yang sama melakukan yang sama dalam permainan lain sehingga kalah, pemain ini akan diisytiharkan keluar dari pertandingan dan semua keputusan yang telah dijalankan akan dimansuhkan. Kes ini akan dibawa kepada pihak PLBM untuk tindakan seterusnya

19.0 HADIAH-HADIAH

19.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:-

Acara	Emas	Perak	Gangsa
Bergu Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
Bergu Wanita	1(2)	1(2)	2(4)
Bertiga Lelaki	1(3)	1(3)	2(6)
Bertiga Wanita	1(3)	1(3)	2(6)
Jumlah	4(10)	4(10)	8(20)

19.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

20.0 LAIN-LAIN HAL

20.1 Jawatankuasa Teknikal berhak meminda mana-mana perkara dalam peraturan ini untuk tujuan melicinkan perjalanan pertandingan.

Disediakan Oleh :-

**Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002**